

Karnival Fiesta Mesra Belia 1Malaysia Di Dungun 10 April Ini Bernama

4 Apr, 2014

DUNGUN, 4 April (Bernama) -- Karnival Fiesta Mesra Belia 1Malaysia, yang bakal menghimpunkan belia dari seluruh negara, akan berlangsung di Padang Astaka Ketengah Jaya di sini bermula Khamis ini..

Pegawai Belia dan Sukan Daerah Dungun Sazli Mahmood berkata karnival tiga hari itu menyajikan pelbagai program menarik termasuk kejohanan futsal, pertandingan formasi kompang, tilawah Al-Quran peringkat Daerah Dungun dan program khidmat masyarakat bersama Intitut Kemahiran Belia Negeri (IKBN) Kemasik.

"Selain itu, pelbagai gerai jualan dan pameran akan dibuka sepanjang karnival ini," katanya kepada Bernama di sini Jumaat.

Serentak dengan karnival itu, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu juga menganjurkan Karnival Sukan Tradisional (SUKTRA) peringkat negeri pada 12 April di lokasi sama.

Sazli berkata pelbagai sukan rakyat akan dipertandingkan seperti sepak takraw bulatan, tarik tali, lari dalam guni serta terompah kayu.

"Kita tidak mahu sukan rakyat dilupakan. Kita mahu penglibatan belia terus aktif dalam pelbagai cara dan karnival ini akan dapat mendekatkan hubungan antara belia dan masyarakat," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027909>